

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Perbincangan bab ini dibahagikan kepada 2 bahagian utama. Bahagian pertama, meninjau dapatan kajian dan yang kedua, mengemukakan cadangan yang sesuai untuk kajian masa depan.

5.2 Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini, dapatan kajian dirumuskan untuk menjawab 3 soalan penyelidikan kajian. Objektif kajian dan 3 soalan penyelidikan adalah seperti berikut :

Objektif kajian adalah:

1. Mengetahui pasti makna dan struktur metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina.
2. Mengkategorikan makna metafora.
3. Menkaji faktor-faktor penggunaan metafora dalam puisi tradisional tersebut.

Soalan penyelidikan:

1. Apakah struktur metafora dan makna metafora yang ingin disampaikan oleh penulis?
2. Apakah penggolongan metafora yang digunakan oleh penulis dalam puisi tradisional bahasa Cina?
3. Mengapakah sesuatu item leksikal digunakan sebagai metafora dalam puisi?

5.2.1 Makna dan struktur metafora

Soalan penyelidikan pertama yang berkaitan dengan makna metafora ini direka untuk memenuhi objektif kajian pertama yang mengenal pasti makna dan struktur metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina. Hasil kajian ini mendapat sebanyak 122 item leksikal metafora daripada 30 buah puisi tradisional yang dikaji. Sebanyak 48 item leksikal metafora didapati daripada Tema A, 37 item leksikal metafora daripada Tema B dan 37 item leksikal metafora juga daripada Tema C.

Menurut Richards (1936), untuk mengenal pasti item leksikal metafora, makna denotasi dan makna metafora sesuatu item leksikal perlu dikaji. Makna metafora merupakan sasaran yang ingin dimaksudkan oleh item leksikal metafora yang bertindak sebagai sumber, manakala makna denotasi sesuatu item leksikal metafora mesti mempunyai ciri-ciri yang dapat menunjukkan makna sasaran tersebut.

Apabila perbandingan dilakukan, jelas kelihatan sesuatu item leksikal itu bermetaforikal untuk menyampaikan makna sebenar yang lain daripada makna denotasinya. Dengan itu, analisis kajian ke atas makna metafora betul-betul mengenal pasti kewujudan metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina.

Berdasarkan analisis struktur sintagmatik, item-item leksikal metafora dalam kajian ini terdiri daripada kata, frasa, klausa dan ayat. Makna denotasi dalam beberapa item leksikal yang terdiri daripada frasa, klausa dan ayat perlu dibincangkan berasingan mengikut setiap kata. Sebagai contohnya, item-item leksikal metafora “**浮云**” (**awan terapung**) (A5.19), “**遮望眼**” (**menutup mata yang memandang**) (A5.20), “**最高层**” (**tingkat yang paling tinggi**) (A5.21), “**走马**” (**larian kuda**) (A8.32), “**冷灰残烛**”

(abu yang dingin dan lilin yang ketinggalan) (A8.33), “天光云影” (cahaya dari langit dan bayang-bayang awan) (B3.56), “源头活水” (punca air yang hidup) (B3.58), “步随流水” (berjalan mengikut aliran sungai) (B5.59), “古青铜” (cermin keluli yang berkarat dan tua) (B9.80), “雨兼风” (hujan dan angin) (C1.87), “金笼” (sangkar emas) (C3.94), “横看成岭侧成峰，远近高低各不同” (Jika dilihat secara melintang ia menjadi rabung, jika dilihat dari tepi ia menjadi puncak, keadaannya jauh dan dekat serta tinggi dan rendah adalah berlainan) (C5.101), “庐山真面目” (keadaan sebenar Gunung Lu) (C5.102), “柳暗” (gelapnya pokok *willow*) (C6.106), “花明” (keceriaan bunga) (C6.107), “云雾” (awan dan kabus) (C8.112) dan “野水” (air semulajadi) (C9.114) (rujuk Apendiks B). Setiap kata dalam frasa, klausa dan ayat tersebut mempunyai makna denotasi yang berlainan. Walaupun makna denotasi kata-kata dalam frasa, klausa dan ayat itu berbeza, tetapi gabungan makna denotasi tersebut akan memberi satu makna metafora yang kukuh. Ini kerana gabungan makna denotasi itu dapat mengukuhkan lagi makna metafora yang ingin disampaikan.

Kajian ini juga mendapati bahawa sesetengah item leksikal metafora perlu dikaji makna denotasinya dengan lebih mendalam dari segi asal-usul penggunaannya dan bukan sahaja daripada kamus untuk mendapat makna metaforanya. Sebagai contohnya, item leksikal metafora “倚伏” (C10.122) yang diterjemahkan sebagai berdampingan dan tersembunyi perlu dirujuk kepada makna denotasinya dari buku klasik ilmu Lao Zi

kerana makna metafora item leksikal ini adalah berasal daripada penggunaan metafora dalam buku tersebut (Apendiks B).

Ringkasnya, item leksikal metafora dapat dikenal pasti melalui analisis ke atas makna denotasi dan makna metafora sesuatu item leksikal. Dapatan kajian ini menunjukkan kecanggihan bahasa penulis puisi pada zaman dahulu menggunakan ciri-ciri persamaan makna denotasi sesuatu objek untuk menyampaikan makna metafora yang sebenarnya. Hasil kajian ini terbuktinya penggunaan metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina berunsur falsafah pada zaman Dinasti Tang dan Dinasti Song.

5.2.2 Penggolongan metafora

Dapatan kajian item-item leksikal metafora digolongkan berdasarkan 3 penggolongan metafora seperti berikut :

- a) Penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik disarankan oleh Shu (2000).
- b) Penggolongan metafora berdasarkan imej disarankan Nilsen & Nilsen (1978).
- c) Penggolongan metafora berdasarkan konsep disarankan oleh Lakoff dan Johnson (1980).

Dalam aspek ini, kewujudan metafora tidak dihad pada satu penggolongan sahaja. Hasil penggolongan metafora ini berjaya mengukuhkan lagi kewujudan metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina dan terbuktinya pencapaian objektif kajian yang mengenal pasti metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina.

a. Penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik

Berikut adalah jadual mengenai bilangan klasifikasi item leksikal metafora mengikut bentuk sintagmatik, iaitu kata, frasa, klausa dan ayat

Jadual 5.1 : Klasifikasi bilangan item leksikal metafora mengikut struktur ayat.

	Kata	Frasa	Ayat	Jumlah
A. Bakat dan kemulian.	21	25	2	48
B. Sikap belajar dan berusaha.	18	17	2	37
C. Amalan kebenaran hidup.	19	17	1	37
Jumlah	58	59	5	122

Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian menunjukkan jumlah item-item leksikal metafora adalah sebanyak 122. Item leksikal dalam bentuk kata menunjukkan penggunaan yang paling banyak iaitu 82 kata, diikuti dengan frasa sebanyak 29, klausa sebanyak 6 dan ayat sebanyak 5.

Penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik hanya akan dilakukan ke atas item leksikal metafora yang berbentuk kata, frasa dan klausa; tidak termasuk ayat, ini kerana ayat mengandungi banyak jenis kelas kata yang tidak dapat digolongkan jenis kata metaforanya.

Kajian ini mendapati bahawa frasa dan klausa yang mengandungi lebih daripada satu jenis kelas kata dinilai dari segi kekuatan jenis kelas kata yang memberi signifikan kepada makna metafora yang dimaksudkan itu berdasarkan keutamaan tema puisi tersebut.

Sebagai contohnya, frasa “ 居高 ” (A1.4) yang bermakna “duduk di tempat tinggi” adalah gabungan kata kerja (居) + kata sifat (高). Oleh kerana tema puisi ini (A1) ialah kemuliaan, maka tinggi (高) yang memberi makna metafora disanjung tinggi adalah lebih kuat metaforanya dan lebih dekat dengan tema kemuliaan. Dengan itu, frasa ini akan digolongkan sebagai metafora kata sifat mengikut kata tinggi (高) yang merupakan kata sifat.

Dalam kajian ini, dapatan kajian hanya menunjukkan hasil penggolongan metafora kata nama, metafora kata kerja dan metafora kata sifat sahaja. Ini kerana metafora adverba dan metafora kata depan tidak ditemui di dalam data yang dikaji.

Berikut adalah jadual mengenai bilangan penggolongan item leksikal metafora berdasarkan struktur ayat.

Jadual 5.2 : Penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik.

	Kata nama	Kata kerja	Kata sifat	Jumlah
A.Bakat dan kemuliaan.	31	3	12	46
B.Sikap belajar dan berusaha.	24	8	2	34
C.Amalan kebenaran hidup.	21	3	9	33
Jumlah	76	14	23	113
Peratusan	67.3%	12.4%	20.3%	100%

Keputusan di atas menunjukkan metafora kata nama paling banyak digunakan dalam puisi tradisional bahasa Cina iaitu sebanyak 67.3%, diikuti dengan metafora kata sifat sebanyak 20.3% dan metafora kata kerja sebanyak 12.4%.

Trend penggunaan dalam ketiga-tiga tema adalah lebih kurang sama, cuma Tema B mengenai sikap belajar dan berusaha menunjukkan penggunaan metafora kata kerja yang lebih berbanding dengan dua tema yang lain. Ia juga melebihi penggunaan metafora kata sifat. Berdasarkan peninjauan semula hasil kajian, keadaan ini wujud kerana bagi tema sikap belajar dan berusaha, banyak metafora digunakan dengan tujuan untuk menggalakkan pembaca bertindak, berlatih dan berusaha wujud dalam bentuk kata kerja, contohnya seperti berikut :

Jadual 5.3 : Lima contoh penggunaan metafora kata kerja dalam Tema B. Sikap belajar dan berusaha.

	Item leksikal metafora	makna denotasi	makna metafora
B5.64	上 naik	Bergerak ke atas.	Berusaha menjadi lebih baik atau lebih maju.
B6.66	千帆过 beribu-ribu kapal layar belayar	Beribu-ribu perahu besar berlayar berjalan atau bergerak.	Ramai orang yang bersemangat berusaha dengan gigih.
B9.77	三折 tiga kali patah	Putus tiga kali.	Latihan berulang-ulang kali atau pengalaman.
B9.79	百炼 Proses beratus kali	Satu siri tindakan yang dilakukan untuk membuat, menghasilkan, atau mencapai sesuatu beratus kali.	Latihan dan usaha yang gigih.
B10.84	折 petik	Mengambil daripada tangkai pohon.	Berusaha dan bertindak.

Kajian ini juga mendapati jenis kata sesuatu item leksikal boleh berubah demi penggunaan metafora. Sebagai contohnya, item leksikal metafora ”春” (**musim bunga**) dalam frasa“万木春” (**beratus-ratus ribu pokok pada musim bunga**) (B6.68) adalah kata nama, tetapi item leksikal ini digunakan sebagai kata sifat untuk menerangkan keadaan pokok tumbuh dengan subur. “倚伏” (**berdampingan dan tersembunyi**)

(C10.122) pula merupakan kata kerja ditukar menjadi kata nama apabila digunakan untuk menyampaikan makna metafora kehidupan yang baik dan malang.

Dapatan kajian juga menunjukkan item leksikal metafora kata sifat dan kata kerja dalam bentuk frasa atau klausa amat bergantung kepada kata nama atau subjeknya untuk menyampaikan makna metaforanya. Malahan, kata sifat dan kata kerja ini menyampaikan makna metafora yang lebih signifikan berbanding dengan subjeknya. Sebagai contohnya, kata kerja “走” (**larian**) dalam item leksikal “走马” (**larian kuda**) (A8.32) tidak dapat menunjukkan makna metaforanya. Kata kerja ini mesti bergabung dengan subjeknya **kuda** untuk menunjukkan makna metafora cepat, malah kata kerja “走” (**larian**) pula memberi makna metafora cepat yang lebih jelas dan item leksikal metafora ini digolongkan sebagai metafora kata kerja.

Di samping itu, banyak item leksikal kata sifat dan kata kerja juga hanya dapat diiktirafkan sebagai item leksikal metafora berdasarkan tema puisi tertentu. Sebagai contohnya, item-item leksikal metafora kata sifat dalam puisi A10 iaitu **tanah rata** (地平), **sungai besar yang lebar** (江阔) dan **udara yang nyaman dan sederhana** (气清温) hanya membawa makna metafora berdasarkan tema puisi yang menggunakan **kampung** sebagai satu entiti untuk menunjukkan makna metafora sesuatu tempat yang ada harapan. Tanpa kewujudan subjek **kampung** dan tema puisi, item-item leksikal metafora kata sifat tersebut tidak dapat menunjukkan makna metaforanya.

Ringkasnya, penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik dapat mencapai objektif kajian yang mengenal pasti metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina dan juga mencerminkan corak penggunaannya.

b. Penggolongan metafora berdasarkan imej

Hasil kajian ini hanya terdapat 4 jenis metafora dalam penggolongan metafora berdasarkan imej, iaitu metafora kehaiwanan, metafora tumbuhan, metafora pengkonkritan dan personifikasi. Berikut adalah jadual mengenai bilangan penggolongan metafora berdasarkan imej:

Jadual 5.4 : Penggolongan metafora berdasarkan imej.

	Metafora kehaiwanan	Metafora tumbuhan	Metafora pengkonkritan	Personifikasi	Jumlah
A. Bakat dan kemuliaan.	4	12	8	5	29
B. Sikap belajar dan berusaha.	1	5	10	0	16
C. Amalan kebenaran hidup.	2	8	9	0	19
Jumlah	7	25	27	5	64

Berdasarkan hasil analisis di atas, sebanyak 64 item leksikal metafora dapat digolongkan ke dalam penggolongan metafora imej. Tema A menunjukkan penggunaan metafora imej yang paling banyak iaitu sebanyak 29 item leksikal metafora , diikuti dengan Tema C sebanyak 19 item leksikal metafora dan Tema B sebanyak 16 item leksikal metafora.

Daripada jumlah 29 item leksikal metafora berdasarkan imej dalam Tema A, metafora tumbuhan paling banyak digunakan iaitu sebanyak 12 item leksikal metafora, diikuti dengan metafora pengkonkritan sebanyak 8 item, personifikasi sebanyak 5 item dan metafora kehaiwanan sebanyak 4 item. Metafora tumbuhan banyak digunakan kerana terdapat beberapa jenis tumbuhan yang banyak digunakan untuk mencerminkan kemuliaan manusia. Antaranya ialah **pokok parasol Cina, bunga orkid, bunga laurel,**

buah tangerin dan **pokok pain** yang lebih bertaraf tinggi, sementara itu, banyak tumbuhan lain yang digunakan untuk membandingkan tumbuhan yang bertaraf tinggi itu, iaitu **pokok pic, pokok plum, rumpai-rumpai** dan **semak-samun**. Metafora kehaiwanan juga memainkan peranan yang sama iaitu penulis menggunakan haiwan untuk menerangkan kemuliaan dan bakat manusia, haiwan yang mempunyai ciri-ciri makna metafora ini seperti **reriang** dan **burung phoenix** digunakan sebagai sumber. Selain tumbuhan dan haiwan, objek lain yang digunakan untuk merujuk sasaran kemuliaan digolongkan dalam metafora pengkonkritan kerana penulis menggunakan sesuatu objek yang konkrit untuk menerangkan kemuliaan yang abstrak. Metafora personifikasi digunakan apabila penulis menjadikan tumbuhan dan haiwan sebagai manusia.

Dalam Tema B yang berkaitan dengan sikap belajar dan berusaha, metafora imej paling kurang digunakan. Hanya terdapat satu metafora kehaiwanan iaitu “**草萤**” (**kelip-kelip**) (B2.51). Antara 5 item leksikal metafora tumbuhan, 3 item leksikal ialah **pokok pain** dan bahagiannya, 2 item leksikal metafora tumbuhan juga tiada kaitan langsung dengan tema ini. Hal ini kerana sukar untuk mencari haiwan dan tumbuhan yang mempunyai ciri-ciri sikap yang dapat disamakan dengan sikap belajar dan berusaha yang dimiliki manusia. Sikap belajar dan berusaha memang merupakan sikap unggul manusia yang sukar dibandingkan dengan haiwan mahupun tumbuhan. Pokok pain yang mempunyai sifat tahan sejuk dan lasak digunakan untuk merujuk kepada seseorang yang berkebolehan. Metafora personifikasi turut tidak wujud kerana tiada penggunaan metafora kehaiwanan dan tumbuhan yang boleh dihidupkan untuk menjadi sebagai manusia. Malahan, banyak metafora pengkonkritan digunakan apabila objek digunakan untuk menunjukkan sesuatu sikap yang abstrak.

Dalam Tema C, penulis-penulis puisi banyak menggunakan objek-objek dalam alam semula jadi atau pengalaman kehidupan untuk menyampaikan sesuatu kebenaran sejagat, pemikiran dan amalan manusia. Dengan itu, banyak tumbuhan dan objek digunakan sebagai item leksikal metafora. Selain itu, hanya 2 jenis haiwan iaitu **reriang** dan **keridik** digunakan untuk mencerminkan dua kedudukan manusia yang berlainan.

Jika dibandingkan dari segi jenis metafora imej, metafora pengkonkritan paling banyak digunakan. Kewujudan ini normal kerana lebih banyak objek selain dari haiwan dan tumbuhan di dunia ini dapat dijadikan sumber metafora untuk menyampaikan sesuatu falsafah. Malahan, hanya haiwan dan tumbuhan yang mempunyai ciri-ciri yang sesuai sahaja boleh dipilih untuk dijadikan item leksikal metafora, bilangannya pasti kurang daripada objek-objek lain yang wujud di alam dunia ini. Antara haiwan dan tumbuhan, lebih banyak jenis tumbuhan daripada haiwan digunakan sebagai item leksikal metafora dalam penulisan puisi tradisional bahasa Cina yang berunsur falsafah.

Kajian ini juga mendapati bahawa lebih banyak item leksikal metafora kehaiwanan dan tumbuhan memerlukan pengetahuan tentang budaya Cina untuk mengenal pasti makna metaforanya. Sebagai contohnya, item leksikal metafora kehaiwanan yang memerlukan pengetahuan tentang budaya Cina untuk dikaji ialah “蝉” (**reriang**) (A1.1) dan “凤” (**burung pheonix**)(A8.37,38). Item leksikal metafora tumbuhan seperti “兰” (**bunga orkid**)(C2.88), “萧艾” (**daun xiao ai**) (C2.89), “青青” (**rumput-rampai liar**) (C2.90), “松柏” (**pokok pain**) (C2.93), “柏” (**pokok pain**) (C4.96), “慧” (**pokok hui**) (C4.97), “藜” (**daun li**) (C4.98) dan “藿” (**daun huo**) (C4.99) juga perlu dikaji berdasarkan pengetahuan budaya Cina.

Hasil analisis dapatan kajian dalam penggolongan metafora berdasarkan imej sekali lagi mendedahkan corak penggunaan metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina. Kajian ini telah menunjukkan imej dalam dunia ini digunakan sebagai item leksikal metafora untuk menerangkan sesuatu falsafah dalam puisi tradisional bahasa Cina.

c. Penggolongan metafora berdasarkan konsep

Penggolongan metafora berdasarkan konsep dilakukan mengikut saranan Lakoff dan Johnson (1980). Penggolongan ini dibahagikan kepada 3 jenis metafora, iaitu metafora struktur, metafora orientasi dan metafora ontologi. Personifikasi digolongkan di bawah metafora ontologi.

Dalam kajian ini, sesuatu item leksikal metafora digolongkan di bawah lebih daripada satu kumpulan metafora konsep apabila ia memenuhi ciri-ciri metafora konsep tertentu. Sebagai contoh, “皎洁” (**putih dan bersih**) (A2.10) yang memberi makna metafora kesucian boleh digolongkan sebagai metafora ontologi kerana mengikut pengalaman kita, warna putih selalunya memberi makna metafora suci. Di samping itu, item leksikal ini sebenarnya digunakan untuk merujuk kepada bulan yang terang dan putih, tetapi ianya digunakan untuk merujuk keadaan bunga *laurel* dalam puisi ini. Berdasarkan penggunaan ini, item leksikal ini juga boleh digolongkan sebagai metafora struktur iaitu **bunga laurel** dianggap sebagai satu entiti yang suci, maka item leksikal “皎洁” yang digunakan untuk bulan dengan makna metafora suci juga boleh digunakan untuk **bunga laurel**.

Selain itu, semua item leksikal metafora yang ada dalam sesebuah puisi boleh digolongkan ke dalam satu penggolongan metafora konsep yang sama, contohnya puisi

A2, C6 dan C7 (rujuk Apendiks B). Semua item leksikal dalam ketiga-tiga puisi ini juga digolongkan sebagai metafora ontologi kerana pemahaman makna metaforanya merujuk kepada pengalaman pembaca dengan menganggap subjek puisi itu sebagai satu entiti.

Berikut ialah jadual dapatan kajian dalam penggolongan metafora berdasarkan konsep.

Jadual 5.5 : Penggolongan metafora berdasarkan konsep

	Metafora struktur	Metafora orientasi	Metafora ontologi	Jumlah
A. Bakat dan kemuliaan.	1	4	11	16
B. Sikap belajar dan berusaha.	0	2	9	11
C. Amalan kebenaran hidup.	2	5	12	19
Jumlah	3	11	32	46

Mengikut hasil analisis penggolongan metafora berdasarkan konsep di atas, jelasnya menunjukkan metafora ontologi paling banyak digunakan iaitu sebanyak 32 item, manakala metafora orientasi mempunyai 11 item dan metafora struktur mempunyai 3 item masing-masing. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa metafora dan maknanya biasanya dikenal pasti melalui pengalaman manusia terhadap objek sumber dan sasaran yang dimaksudkan itu.

Metafora orientasi tidak banyak kerana ciri-cirinya terhad kepada konsep orientasi ruang. Item leksikal metafora jenis orientasi yang paling banyak wujud dalam kajian ini ialah tinggi, jauh, jarak beratus ribu dan bentuk bulat.

Metafora struktur tidak banyak wujud dalam kajian ini disebabkan kebanyakan item leksikal metafora predikat yang menerangkan subjek metafora atau sesuatu sumber

itu memang merupakan item leksikal yang dipadankan dengan subjek tersebut, tetapi tidak berasal daripada sasaran metafora tersebut. Hasil kajian ini mendapati 3 item leksikal metafora sahaja yang dapat digolongkan dalam metafora struktur, iaitu “**皎洁**” (**putih dan bersih**) (A2.10), “**柳暗**” (**gelapnya pokok willow**) (C6.106) dan “**花明**” (**keceriaan bunga**)(C6.107). Ketiga-tiga item leksikal metafora ini menggunakan kata sifat yang menerangkan makna sebenar sasaran iaitu “**皎洁**” (**putih dan bersih**) (A2.10) untuk makna kesucian, “**柳暗**” (**gelapnya pokok willow**) (C6.106) untuk makna tiada harapan, “**花明**” (**terangnya bunga**)(C6.107) untuk makna ada harapan. Kata-kata sifat yang digunakan itu untuk menerang sasaran, malah kata-kata sifat ini telah salah digunakan untuk menerangkan sumber tersebut. Item leksikal metafora “**皎洁**” sebenarnya digunakan untuk menerangkan bulan tetapi tidak sesuai untuk menerangkan bunga. **Pokok willow** tidak sesuai dipadankan dengan **gelap** dan **bunga** tidak boleh dikatakan **terang**. Penulis puisi masih menggunakan kata-kata sifat tersebut untuk menerangkan sumber itu semata-mata untuk tujuan menyampaikan makna metaforanya. Hal ini menyatakan bahawa penggunaan metafora boleh terlepas daripada peraturan tatabahasa.

Sebagai rumusan dalam bahagian berkenaan penggolongan metafora, hasil analisis kajian ini telah berjaya menjawab soalan penyelidikan pertama kajian ini dan turut mencapai objektif kajian yang dapat mengenal pasti metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina dari segi corak penggunaannya, sifat-sifat metafora dan juga kecanggihan bahasa Cina dalam penggunaan metafora.

5.2.3 Faktor-faktor penggunaan metafora

Soalan penyelidikan ketiga iaitu mengapakah sesuatu item leksikal digunakan sebagai metafora dalam puisi adalah dibentuk untuk mengkaji objektif ketiga iaitu mengkaji faktor-faktor penggunaan metafora dalam sesebuah puisi tradisional. Sesuatu item leksikal metafora mungkin digunakan kerana satu faktor atau gabungan beberapa faktor. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor-faktor berikut penting dalam pemilihan sesuatu item leksikal untuk digunakan dalam sesebuah puisi.

a. Persamaan ciri-ciri antara objek sumber dan objek sasaran

Faktor yang paling asas dan paling kerap ialah ciri-ciri sesuatu objek sumber itu mempunyai persamaan dengan ciri-ciri objek sasaran yang ingin disampaikan oleh penulis puisi. Objek sumber itu boleh terdiri daripada haiwan, tumbuhan atau objek lain dalam alam semula jadi ini. Pembaca dapat mengaitkan objek tersebut dengan makna metaforanya berdasarkan pengetahuan sendiri, konsep sejagat atau penerangan penulis puisi mengenai ciri-ciri objek tersebut. Hampir 95% daripada 122 item leksikal metafora dalam kajian ini dapat dikenal pasti berdasarkan ciri-ciri persamaan ini, atau dengan kata lain, item leksikal metafora ini boleh dikenal pasti secara langsung daripada pemahaman pembaca tentang makna denotasi item leksikal berkenaan.

Selain itu, terdapat 5 % iaitu 7 item leksikal metafora dalam kajian ini yang tidak dapat dikenal pasti melalui faktor pertama yang tersebut di atas. 7 item leksikal metafora ini ialah “秋风” (A1.6), ”清风” (A7.31), ”照乘” (B2.52), ”食芹” (B9.81), “野水” (C9.114), ”青山” (C9.115), “倚伏” (C10.122). Jika dilihat dari segi

makna denotasi, ciri-ciri item-item leksikal tersebut langsung tidak berkaitan dengan makna metafora sasaran yang dituju. Akan tetapi, item-item leksikal ini juga dapat dikenal pasti melalui faktor-faktor yang lain dan akan dibincangkan seterusnya.

b. Konteks

Item leksikal “秋风” (A1.6) yang bermakna angin pada musim luruh tiada kaitan langsung dengan makna metaforanya iaitu orang yang berpangkat atau sesiapa yang tidak berniat baik. Begitu juga dengan item leksikal “清风” (A7.31) yang bermakna angin yang sejuk dan segar tiada kaitan langsung dengan orang atasan yang berkuasa atau siapa-siapa yang tahu menghargai dan menggunakan orang yang berbakat. Malahan, makna metaforanya dapat dikesan melalui tema puisi dan makna metafora item-item leksikal yang lain dalam puisi berkenaan. Penulis menggunakan item leksikal yang tiada kaitan langsung untuk merujuk sasaran yang berkaitan dengan pihak yang berkuasa mungkin kerana tekanan politik. Penulis ingin mengelakkan penggunaan item leksikal yang sensitif dan mungkin akan membawa kesengsaraan kepada dirinya sekiranya dikesan oleh pihak yang berkuasa. Oleh itu, pemilihan item leksikal metafora mungkin disebabkan faktor untuk melindungi keselamatan diri penulis puisi. Faktor ini berkaitan dengan konteks politik semasa puisi itu ditulis.

Selain itu, item-item leksikal “千首诗” (A3.14) dan “万户侯” (A3.15) juga digunakan berdasarkan konteks pada masa itu. “千首诗” (A3.14) diterjemahkan sebagai ribuan puisi yang merujuk kepada kemuliaan dan amalan yang ikhlas. Hal ini kerana pada zaman itu, penulis puisi banyak menulis puisi falsafah dan mengamalkan sikap kemuliaan yang disanjung tinggi. “万户侯” (A3.15) adalah sesuatu anugerah

gelaran yang memiliki kawasan seluas beratus ribu keluarga. Gelaran ini adalah anugerah yang diberi oleh maharaja pada zaman itu. Dengan itu, item leksikal metafora ini digunakan berdasarkan konteks sosial pada zaman tersebut.

Item leksikal metafora “丹橘” (A6.22) iaitu buah tangerin digunakan untuk merujuk sasaran seseorang yang tahan lasak dan tabah hati tetapi tidak dikenali oleh orang ramai. Penggunaan item leksikal metafora ini adalah juga berdasarkan konteks sosial pada masa itu iaitu orang ramai lebih suka menanam pokok pic dan pokok plum tetapi kurang menanam pokok tangerin.

c. Metafora pernah digunakan sebelum ini.

Item-item leksikal “桃李” (A6.24), ”照乘” (B2.54), ”食芹” (B9.81) dan “倚伏” (C10.122) pula digunakan berdasarkan penggunaan metafora yang sama oleh orang lain sebelumnya. Item-item leksikal ini merupakan kata kerja dan kata nama am yang masih mengekalkan makna metaforanya. Hal ini kerana penggunaan metafora sebelum ini juga mempunyai ciri-ciri persamaan antara objek sumber dan sasaran. Oleh itu, item-item leksikal ini digolongkan sebagai item leksikal metafora dalam kajian ini. Item leksikal yang terdiri daripada kata nama khas dalam bentuk bahasa kiasan alegori pula tidak dimasukkan sebagai item leksikal metafora dalam kajian ini. Hal ini kerana pemahaman makna alegori memerlukan pengetahuan khas tentang asal-usul sesebuah cerita yang berkaitan dengan kata nama khas tersebut.

d. Konsep sejagat dan pengalaman

Dalam penggolongan metafora struktur, item-item leksikal digunakan berdasarkan pemahaman konsep sejagat penulis terhadap item leksikal untuk sesuatu subjek sasaran. Dalam penggolongan metafora orientasi, item-item leksikal metafora yang digunakan adalah disebabkan pemahaman konsep sejagat penulis terhadap orientasi ruang seperti atas-bawah, tinggi-rendah, jauh-dekat dan sebagainya. Dalam metafora ontologi, item-item leksikal metafora digunakan berdasarkan pengalaman penulis apabila sesuatu item leksikal metafora subjek dianggap sebagai satu entiti. Penggunaannya juga boleh berdasarkan imaginasi penulis puisi walaupun tidak wujudnya ciri-ciri persamaan antara kedua-dua objek sumber dan sasaran. Penggunaan metafora ini menunjukkan taraf kesenian bahasa penulis yang tinggi.

Berikut adalah jadual ringkas item-item leksikal yang digolongkan dalam penggolongan metafora berdasarkan konsep.

Jadual 5.6 : Jadual item-item leksikal metafora dalam penggolongan metafora berdasarkan konsep

Metafora struktur	Metafora orientasi	Metafora ontologi
1. 皎洁 putih dan bersih (A2.10)	1. 居高 duduk di tempat tinggi (A1.4)	1. 兰花 bunga orkid (A2.7)
2. 花明 bunga yang terang (C6.107)	2. 声远 bunyi yang jauh (A1.5)	2. 桂花 bunga <i>laurel</i> (A2.8)
3. 柳暗 gelapnya pokok willow (C6.106)	3. 最高层 tingkat yang paling tinggi (A5.21)	3. 蕨蕨 kesuburan (A2.9)
	4. 万里 Beratus ribu (A8.35)	4. 皎洁 putih dan bersih (A2.10)
	5. 尽 hujung (B5.61)	5. 自尔为佳节 tumbuh dengan subur pada musim yang sesuai masing-masing (A2.11)
	6. 千里目 pemandangan yang beribu-ribu batu (B5.63)	6. 草木本有心, 何求美人折

	<p>7. 圓魄 bulan yang bulat (C1.86)</p> <p>8. 圓 bulat (C10.118)</p> <p>9. 正 tegak (C10.119)</p> <p>10. 破 pecah (C10.120)</p> <p>11. 傾 condong(C10.121)</p>	<p>tumbuhan mempunyai hati dan tidak meminta orang lain untuk memetikny (A2.12)</p> <p>7. 岁寒心 hati yang tahan kesejukan pada musim sejuk. (A6.23)</p> <p>8. 兰 bunga orkid (A7.25)</p> <p>9. 孤 sunyi (A7.26)</p> <p>10. 悲 sedih (A7.27)</p> <p>11. 休歇 rehat selama-lamanya (A7.28)</p> <p>12. 步随流水 berjalan mengikut aliran sungai (B4.59)</p> <p>13. 溪源, 源头 punca air sungai (B4.60)</p> <p>14. 浪 ombak (B7.69)</p> <p>15. 沙 pasir (B7.70)</p> <p>16. 崩崖倒石 kejatuhan batu akibat tanah runtuh. (B8.75)</p> <p>17. 医肱 mengubati lengan (B9.76)</p> <p>18. 三折 tiga kali patah (B9.77)</p> <p>19. 剑铁 pedang dari besi (B9.78)</p> <p>20. 百炼 diproses beratus kal (B9.79)</p> <p>21. 横看成岭侧成峰,</p>
--	--	--

		<p>远近高低各不同。 Jika dilihat secara melintang ia menjadi rabung, jika dilihat dari tepi ia menjadi puncak, keadaanny jauh dan dekat serta tinggi dan rendah adalah berlainan. (C5.101)</p> <p>22. 山重 gunung-ganang yang bertimbun-timbun (C6.103)</p> <p>23. 水复 sungai yang berulang- ulang (C6.104)</p> <p>24. 路 jalan (C6.105)</p> <p>25. 花明 bunga yang terang (C6.107)</p> <p>26. 柳暗 gelapnya pokok willow (C6.106)</p> <p>27. 一村 sebuah kampung. (C6.108)</p> <p>28. 东风 Angin Timur (C7.109)</p> <p>29. 吹开 Mengembangkan bunga (C7.110)</p> <p>30. 吹落 Menggugurkan bunga (C7.111)</p> <p>31. 野水 Air semulajadi (C9.114)</p> <p>32. 青山 Gunung hijau (C9.115)</p>
--	--	---

Berdasarkan dapatan kajian di atas, penulis puisi lebih banyak menggunakan item leksikal metafora berdasarkan pengalaman yang digolongkan dalam metafora ontologi.

Keadaan ini berlaku mungkin kerana ramai penulis puisi adalah lebih prihatin terhadap pengalaman dalam kehidupan mereka, malahan ramai penulis puisi pada zaman dahulu suka megembara untuk mendapatkan ilham dalam karya mereka. Kebanyakan item-item leksikal metafora ontologi digunakan berasal daripada kejadian alam semula jadi seperti keadaan pertumbuhan bunga, keadaan tiupan angin, pengalaman mengembara ke sesebuah kampung, pengalaman mendaki gunung dan sebagainya. Oleh itu, item-item leksikal ini adalah saling berkaitan dan berturutan dan wujud dalam satu puisi yang sama. Corak penggunaan ini juga berlaku dalam metafora struktur iaitu hanya terdapat dua buah puisi sahaja yang menggunakan metafora konsep ini. Item-item leksikalnya yang digunakan adalah berikutan daripada sumbernya dan juga boleh digunakan untuk menerangkan sasaran. Sifat item-item leksikal metafora orientasi pula lebih berdikari dan boleh wujud tersendiri dengan pemahaman konsep sejangat terhadap orientasi ruang, arah, bentuk dan jarak. Faktor-faktor penggunaan item leksikal metafora berdasarkan konsep sejangat dan pengalaman jelas ditunjukkan dalam penggolongan metafora berdasarkan konsep.

e. Budaya kaum

Selain faktor-faktor penggunaan yang dibincangkan di atas, sesuatu item leksikal metafora juga digunakan mengikut budaya sesuatu kaum. Menurut Wang (2003:5), semantik item-item leksikal sesuatu bahasa tidak wujud dengan skopnya tersendiri atau bersifat terkongkong. Sumber hidupnya adalah berasal daripada cara pemikiran sesuatu kaum, struktur psikologi budaya, sistem masyarakat dan adat resam kehidupan sesuatu kaum. Dalam kajian ini, walaupun terdapat banyak juga item leksikal yang dapat

menggambarkan budaya orang Cina, tetapi hanya terdapat 30 item leksikal metafora yang mengaplikasikan budaya Cina dalam makna metaforanya. Item-item leksikal metafora ini boleh dibahagikan kepada 3 kategori seperti jadual berikut :

Jadual 5.7 : Kategori item-item leksikal metafora yang berunsur budaya Cina.

Haiwan	Tumbuhan	Objek alam semulajadi/ objek buatan manusia
1. 蝉 reriang (A1.1)	1. 桐 pokok parasol Cina (A1.3)	1. 丹山路 Jalan Bukit Dan (A8.36)
2. 寒蝉 reriang (C2.91)	2. 兰花 bunga orkid (A2.1)	2. 飞霜 ribut salji (A7.30)
3. 走马 larian kuda (A8.32)	3. 兰 bunga orkid (A7.25)	3. 玉 jed (B1.49)
4. 雏凤 anak burung phoenix (A8.37)	4. 兰 bunga orkid (C2.88)	4. 珉 batu (B1.50)
5. 老凤 burung phoenix yang tua (A8.38)	5. 桂花 bunga laurel (A2.2)	5. 金缕衣 baju emas (B10.82)
6. 蟋蟀 keridik (C2.92)	6. 桃李 pokok pic dan pokok plum (A6.24)	6. 圆魄 bulan yang bulat (C1.86)
	7. 桐花 bunga pokok parasol Cina (A8.34)	7. 夜魄 bulan (C10.116)
	8. 小松 pokok pain kecil (A9.39)	
	9. 松 pokok pain (B8.72)	
	10. 松柏 pokok pain (C2.93)	
	11. 柏 pokok pain (C4.96)	
	12. 蓬蒿 semak samun (A9.41)	
	13. 萧艾 daun <i>xiao ai</i> (C2.89)	

	<p>14. 替 pokok <i>hui</i> (C4.97)</p> <p>15. 藜 daun <i>li</i> (C4.98)</p> <p>16. 藿 daun <i>huo</i> (C4.99)</p> <p>17. 柳暗 gelapnya pokok willow (C6.106)</p>	
--	---	--

Daripada penggolongan kategori di atas, kita dapati item-item leksikal metafora tumbuhan paling banyak digunakan berdasarkan budaya Cina. Ini memudahkan orang Cina memahami maksud yang ingin disampaikan. Jika dikaji dari segi budaya dan kepercayaan Cina, tumbuh-tumbuhan mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat kesian makna metaforanya. Ada yang berdasarkan penggunaan metafora terdahulu, contohnya “桃李” (**pokok pic dan pokok plum**) (A6.24). Malahan, ada penggunaan tumbuhan yang tidak diketahui asal-usulnya tetapi digunakan secara turun-temurun seperti “柳” (**pokok willow**) (C6.106) yang mewakili perpisahan. Antara item-item leksikal metafora yang disebutkan di atas, kita dapati “兰花” (**bunga orkid**) dan “松柏” (**pokok pain**) paling kerap digunakan dalam budaya Cina.

Beberapa jenis haiwan juga digunakan mengikut kepercayaan budaya Cina. Di antaranya “蝉” (**reriang**) (A1.1) mempunyai unsur perkaitan dengan agama Buddha, “凤” (**burung pheonix**) (A8.37 & 38) ialah haiwan rekaan betina yang bertuah dan berkedudukan tinggi mengikut cerita dongeng orang Cina. “马” (**kuda**) (A8.32) dan

“蟋蟀” (**keridik**) (C2.92) pula mempunyai ciri-cirinya yang dapat menggambarkan makna metaforanya kerana ia sebahagian budaya orang Cina.

Dalam sejarah dan budaya orang Cina, “玉” (**jed**) (B1.49) memang sesuatu yang amat bernilai dan sebaliknya “珉” (**batu**) (B1.50) adalah dihina. Objek alam semula jadi seperti “圆魄” atau “夜魄” (**bulan**) (C1.86, C10.116) pula banyak dijadikan topik dalam legenda orang Cina dan tema karya bahasa Cina. “丹山路” (**Jalan Bukit Dan**) (A8.36) juga berkaitan dengan cerita dongeng orang Cina yang melahirkan burung pheonix. “飞霜” (**ribut salji**) (A7.30) ialah ribut yang berlaku di negeri China dan membawa kesengsaraan kepada penduduk Cina, dan menghina ribut salji boleh dikatakan sebahagian budaya orang Cina. “金缕衣” (**baju emas**) (B10.82) juga mempunyai unsur-unsur budaya Cina kerana baju ini dipercayai kepunyaan maharaja Cina pada zaman dahulu.

Sebagai rumusan, item-item leksikal metafora digunakan berdasarkan banyak faktor. Ia tidak akan wujud tanpa sebarang faktor. Asal-usulnya mesti dapat dikaji melalui aspek-aspek yang berlainan. Selagi faktor-faktor item leksikal dikenal pasti, pembaca dapat memahami makna sebenar sesuatu item leksikal dan turut memahami makna sebenar sesebuah puisi tradisional. Dapatan kajian ini menunjukkan 95% item leksikal metafora dalam puisi tradisional berasaskan faktor item leksikal tersebut mempunyai ciri-ciri yang sama antara objek sumber dan objek sasaran, malah banyak juga berasaskan faktor pemahaman konsep dan pengalaman. Hanya faktor-faktor berasaskan konteks dan budaya Cina perlu dibuat sedikit rujukan. Hasil analisis dapatan

kajian ini penting dan berjaya menyakinkan pembaca bahawa metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina tidak susah untuk dikenal pasti dan difahami.

5.3 Cadangan Kajian

Pengkaji mencadangkan dua aspek kajian yang boleh dilakukan untuk kajian masa depan. Pertama, dari aspek bidang metafora dan kedua, dari aspek data yang dicadangkan.

Dari aspek bidang metafora, masih terdapat banyak pendapat yang bercanggah dalam kalangan pengkaji-pengkaji metafora yang terkemuka, antaranya percanggahan skop metafora yang luas berbanding dengan bahasa kiasan yang lain masih diperdebatkan. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa penggunaan alegori juga bertujuan menyampaikan makna metafora. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian masa depan boleh dilakukan ke atas perbezaan antara metafora dengan bahasa kiasan yang lain seperti metafora nominal, metonimi dan sebagainya. Faktor-faktor penggunaan metafora juga merupakan aspek kajian yang luas dan perlu diperdalamkan lagi.

Dari aspek data kajian, pengkaji mencadangkan lebih banyak kajian metafora dilakukan ke atas perbandingan dua bahasa untuk melihat perbezaan penggunaan metafora dari segi bahasa yang berlainan atau asal-usul budaya yang berlainan. Selain itu, metafora dari aspek perbualan antara dua golongan status sosial yang berlainan juga merupakan data kajian yang menarik.

Cadangan-cadangan yang disebutkan di atas diharapkan dapat memberi idea kepada pengkaji yang berminat dalam bidang metafora dan dapat meluaskan, mendalami dan meningkatkan kajian dalam bidang metafora.

5.4 Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu mengenal pasti metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina dan mengkaji faktor-faktor metafora digunakan dalam puisi tradisional tersebut. Hasil kajian ini telah mendedahkan corak penggunaan metafora puisi tradisional bahasa Cina yang berunsur falsafah. Dapatan kajian menunjukkan pemahaman makna metafora dalam puisi tradisional tidak rumit dan dapat dikesan melalui ciri-ciri persamaan antara ketaksamaan serta konsep sejagat manusia dan pengalaman manusia. Dengan itu, hasil kajian ini diharapkan dapat menyakinkan pelajar bahawa tidak susah untuk memahami makna metafora puisi tradisional, malahan dapat memberi idea kepada pendidik bahasa supaya dapat merancang dan melaksanakan cara pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pengajaran puisi tradisional. Akhir sekali, kajian ini berjaya menonjolkan kecanggihan bahasa Cina dalam puisi tradisional yang berunsur falsafah dan diharap dapat menarik minat serta perhatian semua lapisan masyarakat. Semoga unsur-unsur falsafah yang mempunyai nilai tinggi ini dapat dihidupkan semula untuk manfaat pembangunan masyarakat dan negara.